



ASMA ISMAIL (tiga dari kanan) beramah mesra dengan delegasi luar negara pada Persidangan Dekolonialisme, Kepemimpinan dan Pengetahuan Demokrasi Dalam Universiti Abad Ke-21 di Universiti Nottingham Malaysia, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi diperkenal Mac ini

Pendidikan tinggi diperkasa

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**
 rodelio.taucan@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 25 JAN.**

PELAN Pembangunan Pendidikan Tinggi akan diperkenalkan Mac ini bagi memperkasa sistem pendidikan tinggi negara supaya lebih berdaya saing, menepati kehendak globalisasi dan berperanan sebagai pusat penyelesaian kepada setiap persoalan yang dihadapi masyarakat serta industri.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, pelan tersebut yang mempunyai sekurang-kurangnya 10 perkara akan menjadi titik peralihan kepada setiap universiti, bukan sahaja menaikkan ranking masing-masing, malah turut memberi fokus dalam pelbagai bidang ilmu.

"Secara asasnya, fokus kita adalah untuk menghasilkan pelajar dan pensyarah terbaik serta tidak

terhad kepada sekadar membantu masyarakat, sebaliknya mereka perlu mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang timbul hasil daripada kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) dijalankan.

"Kita mesti sedia berdepan situasi iaitu golongan intelektual perlu tampil dalam sesetengah isu, jadi kita harus sahut cabaran itu," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Persidangan Dekolonialisme, Kepemimpinan dan Pengetahuan Demokrasi Dalam Universiti Abad Ke-21 di Universiti Nottingham Malaysia (UNMC) dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Pro-Naib Canselor Universiti Nottingham merangkap Rektor UNMC, Prof. Cristine Ennew; Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dan Pengarah Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (Akept), Pro. Dr. Mohd. Majid Konting.

Menurut Asma, proses penye-

diaan pelan berkenaan telah memasuki fasa akhir dan kini Kementerian masih mendapatkan pandangan daripada orang ramai, pihak berkepentingan termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan untuk memastikan pelaksanaannya berkesan.

Tambahnya, kerjasama daripada universiti swasta juga sangat digalakkan agar institusi awam dapat melakukan inovasi ke arah lebih baik setaraf dengan institusi pengajian tinggi terkemuka di luar negara.

"Kerjasama antara institusi awam dengan swasta sangat diperlukan kerana kami mahukan satu inovasi dalam ekosistem universiti supaya perannya nanti dapat menyediakan maklumat kepada masyarakat, bukan hanya untuk pelajar.

"Sudah tiba masanya universiti memberi tumpuan kepada pelbagai disiplin ilmu yang mampu menyediakan pembelajaran sepanjang hayat, selain melahirkan generasi untuk hari esok," jelasnya.



Pelan tersebut yang mempunyai sekurang-kurangnya 10 perkara akan menjadi titik peralihan kepada setiap universiti, bukan sahaja menaikkan ranking masing-masing, malah turut memberi fokus dalam pelbagai bidang ilmu."

ASMA ISMAIL
 Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan